

# Usaha Anwar jamin tata kelola baik kembalikan kepercayaan rakyat

Perubahan  
positif sepanjang  
100 hari Kerajaan  
Perpaduan  
dapat sokongan  
pelbagai pihak

Oleh **Latifah Arifin**  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perubahan positif dilaksanakan Kerajaan Perpaduan sepanjang tempoh 100 hari pertama pentadbirannya, terutama penguasaan terhadap tata kelola yang baik merangkumi semua kementerian dan agensi.

Beberapa penganalisis dan ahli akademik melihat usaha itu berhasil untuk mengembalikan kepercayaan rakyat, dengan kerajaan kini di landasan betul serta memerlukan sokongan semua pihak untuk memastikan kelangsungan agenda reformasinya dalam jangka masa panjang.

Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran Dan Pengajian Polisi Universiti Teknologi MARA (UiTM) Negeri Sembilan, Dr Mazlan Che Soh, mengakui tempoh 100 hari itu terlalu singkat untuk

mengukur prestasi semasa sesebuah kerajaan terutama melalui dasar baharu yang dilaksanakan.

“Saya percaya ada banyak perancangan sedang diperhalusi Kerajaan Perpaduan, misalnya untuk isu kos sara hidup... kita sedar ia perkara besar dengan rakyat menaruh harapan yang tinggi supaya beban mereka dapat dikurangkan.

“Namun, kerajaan tidak menunggu lama, misalnya pelaksanaan Menu Rahmah sekurang-kurangnya memberikan kelegaan jangka pendek untuk rakyat yang mengeluh dengan kenaikan harga makanan yang tentunya sukar dikawal sepenuhnya (oleh kerajaan),” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memuji pelbagai dasar baik dan bermanfaat dilaksanakan kerajaan

Saya percaya ada banyak perancangan sedang diperhalusi Kerajaan Perpaduan, misalnya untuk isu kos sara hidup... kita sedar ia perkara besar dengan rakyat menaruh harapan yang tinggi supaya beban mereka dapat dikurangkan

*Dr Mazlan Che Soh,  
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran  
Dan Pengajian Polisi UiTM Negeri Sembilan*

terdahulu yang dikekalkan.

Ini termasuk Sumbangan Tunai Rahmah dan agenda Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi usaha pendigitalan yang diumumkan melalui pembentangan Bajet Madani baru-baru ini.

Malah, katanya, tata kelola yang baik dari segi urusan perolehan kerajaan turut menunjukkan keseriusan Perdana Menteri dalam menangani isu ketirisan yang sejak sekian lama membelenggu negara.

Sementara itu, Felo Akademi Sains, Prof Datuk Dr Jayum Anak Jawan, yakin idea reformasi Anwar mampu melonjakkan negara dalam pelbagai aspek termasuk pentadbiran, sosial, pembangunan dan sosioekonomi.

“Saya yakin apa yang Perdana

Menteri lakukan sepanjang 100 hari ini adalah tugas yang baik, malah janji dan kesungguhan untuk melakukan reformasi juga dikotakan.

“Melalui Malaysia MADANI misalnya, ia satu pendekatan yang komprehensif, inklusif dan semakin diterima ramai. Perdana Menteri menonjolkan isu kebersamaan melalui Malaysia Madani dengan menerapkan bahawa sama ada anak Melayu, Cina, atau etnik lain seperti Dayak semuanya menerima layanan sama sebagai rakyat Malaysia.

“Cuma mungkin perlu ada sedikit penambahbaikan, misalnya bagi lantikan menteri dan pegawai tinggi kerajaan... perluaskanlah (lantikan) kepada bukan hanya orang Melayu, tetapi buka peluang yang lebih kepada kaum dan etnik lain,” katanya.

Tambahnya, keseriusan Kerajaan Perpaduan untuk mengkaji imbang kuasa di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung dilihat sebagai permulaan yang baik terutama untuk meraih sokongan daripada rakyat di Borneo.

“Anwar melihat Sabah dan Sarawak sebagai rakan penting dan ia dapat dilihat menerusi beberapa tindakan dilaksanakan termasuk bersetuju menaikkan geran khas tahunan yang diberikan kepada

Sarawak, daripada RM16 juta kepada RM300 juta.

“Ini usaha yang baik untuk permulaan, namun ada banyak lagi perkara perlu dilakukan dan ini tentunya mengambil masa panjang bukan setahun dua terutama untuk mengangkat kuasa kedudukan Sabah dan Sarawak, pertama perlukan pindaan kepada Perlembagaan, selain merujuk kepada Majlis Raja-Raja Melayu,” katanya.

Bagi pemerhati politik, Datuk Shamsuddin Nawawi, kerajaan wajar mengutamakan pandangan dan keluhan rakyat bagi menambah baik tata kelolanya dari semasa ke semasa.

“Harapan rakyat amat tinggi kepada pentadbiran Anwar melalui Kerajaan Perpaduan yang baru dibentuk ini.

“Daripada golongan profesional sehingga rakyat berpendapatan rendah amat mengharapkan ada perubahan terutama yang berkaitan isu ekonomi.

“Nasihat saya, tumpukan kepada keperluan semasa rakyat dan usah melayan perkara yang tak perlu atau bukan utama,” katanya.

Beliau yang juga seorang peguam turut melihat perbelanjaan pembangunan perlu diteruskan untuk memastikan kitaran ekonomi negara berjalan dengan baik dan memberi manfaat kepada ramai kelompok masyarakat.

